

KPJ Healthcare mahu tambah saiz REIT

KUALA LUMPUR 10 Ogos - KPJ Healthcare Bhd. merancang meningkatkan saiz unit amanah pelaburan hartanahnya (REIT) Islam, REIT Al-Aqar KPJ, pada masa akan datang.

Pengerusinya, Tan Sri Muhammad Ali Hashim (*gambar*) berkata, sehingga ini, KPJ Healthcare telah menempatkan enam buah bangunan hospital ke dalam REIT Al-Aqar KPJ pada harga RM461.25 juta.

Beliau berkata, pihaknya merancang memasukkan sembilan buah hospital lain milik KPJ Healthcare di Malaysia dan empat buah lagi di seberang laut ke dalam REIT itu, bergantung kepada perundingan dan kelulusan.

"Kami akan mengumumkan apabila masanya telah tiba," katanya selepas penyenaraian

Sehingga ini, KPJ Healthcare telah menempatkan enam buah bangunan hospital ke dalam REIT Al-Aqar KPJ pada harga RM461.25 juta

REIT Al-Aqar KPJ di Papan Utama Bursa Malaysia di sini hari ini.

Ketika dibuka, REIT penjagaan kesihatan yang pertama di Asia itu dibuka pada paras RM0.99, empat sen di atas harga tawaran RM0.95 dengan 30,810 lot diurusniaga.

REIT Al-Aqar KPJ itu diuruskan oleh Damansara REIT Manager Sdn. Bhd., sebuah anak syarikat milik penuh Damansara Assets Sdn. Bhd.


Melalui tawaran awam permulaan (IPO) REIT Al-Aqar KPJ, sejumlah 180 juta unit diterbitkan ketika pelancaran-

nya pada 24 Julai berbanding dengan saiz terbitan keseluruhan RM340 juta unit.

Dari bilangan itu, KPJ akan memegang 160 juta unit atau 47 peratus manakala 165 juta unit telah diterbitkan kepada pelabur institusi pada harga RM1.00 seunit manakala pemegang runcit memegang 15 juta unit, pada harga diskaun RM0.95 seunit.

Kira-kira RM167 juta yang diraih akan digunakan untuk membiayai sebahagian aset dan RM5.15 juta lagi akan digunakan untuk membiayai kerja-kerja membaik pulih dan pembesaran hartanah.

MUHAMMAD ALI HASHIM
Pengerusi KPJ Healthcare Bhd.



- Bernama

Kini, KPJ Healthcare menguruskan 19 hospital pakar dalam negara dan di seberang laut serta sebuah kolej kejururawatan.

Operasi seberang lautnya termasuk hospital pakar di Indonesia dan satu di Bangladesh.

Mengenai rancangan kerajaan negeri Johor untuk menjadikan Kawasan Ekonomi Johor Selatan (SJER) sebagai satu pusat bagi perkhidmatan penjagaan kesihatan di kawasan itu, Muhammad Ali berkata, KPJ Healthcare sudah tentu akan mendapat manfaat dari perkembangan itu.